



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN HAB HALAL**

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2015

**PENGHANTARAN SAMPEL KE MAKMAL PANEL HALAL
BAGI PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang keperluan menghantar sampel ke Makmal Panel Halal bagi memenuhi keperluan dalam Pensijilan Halal Malaysia.

LATARBELAKANG

2. Dalam melaksanakan Pensijilan Halal Malaysia, aspek kepastian dan keyakinan terhadap sumber asal sesuatu bahan yang digunakan amatlah penting. Justeru, segala bahan yang digunakan dalam pembuatan sesuatu produk mestilah dikenal pasti sumber asalnya dan bebas dari sebarang pencemaran bahan haram. Salah satu kaedah yang boleh digunakan ialah melalui analisis makmal.
3. Sehingga kini, terdapat empat (4) buah makmal swasta dilantik sebagai Makmal Panel Halal iaitu:
 - i. **TPM Biotech Sdn. Bhd., Kuala Lumpur;**
 - ii. **Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), UPM, Selangor;**
 - iii. **Melaka Biotechnology Corporation, Melaka; dan**
 - iv. **UNIQEQ Sdn. Bhd, UKM, Selangor.**
4. Berdasarkan klausa 9.3 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014, Pegawai Audit berhak mengambil sampel produk, bahan mentah/

ramuan atau lain-lain yang diragui status halal untuk tujuan analisis makmal mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

5. Selaras dengan dasar Pensijilan Halal Malaysia yang menggalakkan pihak industri melakukan pemantauan secara dalaman berkaitan status halal bahan mentah dan produk maka pihak industri bolehlah menghantar sendiri sampel ke Makmal Panel Halal.

6. Setiap sampel yang dihantar ke Makmal Panel Halal perlulah merujuk skop dan keupayaan analisis yang ditawarkan oleh setiap Makmal Panel Halal seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Skop dan keupayaan analisis Makmal Panel Halal

Makmal	Analisis	Skop Makanan	Pegawai Untuk Dihubungi
TPM Biotech Sdn. Bhd	DNA	<i>i. Meat & meat product</i> <i>ii. Fish & fish product</i> <i>iii. Powder (milk, flour & flouring)</i> <i>iv. Liquid/ semi solid (supplement, sauce, canned food, drink)</i> <i>v. Solid (noodles, cheese, chocolate)</i>	Pn. Fazillah Abbas Tel : 03-89984018 Cik Munirah Zulkhan Tel : 03-89982230
Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), UPM	DNA	<i>i. Meat & meat product</i> <i>ii. Fish & fish product</i>	Dr. Awis Qurni Sazili Tel : 03-89471839
MELAKA BIOTECHNOLOGY CORPORATION	DNA	<i>i. Meat & meat products</i> <i>ii. Meatball</i> <i>iii. Sausage</i> <i>iv. Can fish, pork</i> <i>v. Flour</i> <i>vi. Spices</i> <i>vii. Biscuit</i>	Pn. Hasnizawati Mohamed Dahlan Tel : 06-3213622
UNIPEQ SDN. BHD.	DNA	<i>i. Raw meat</i> <i>ii. Empty capsule</i> <i>iii. Porcine gelatine</i> <i>iv. Raw fish gelatine</i> <i>v. Raw bovine gelatine</i> <i>vi. Vegetable capsule</i>	Pn. Noor Azinah Maamin Tel : 03-89213772
	ALKOHOL	<i>i. Alcoholic beverages</i>	

7. Segala kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada **15 Disember 2015**.
9. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan perkara (2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



(DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Putrajaya.
11 Disember 2015